

Thursday, 13 September 2012

Berita Harian, Nasional – Page 12

Lembah Klang berdepan krisis air tempoh setahun

12 NASIONAL

© KHAMIS 13 SEPTEMBER 2012

BH

# Lembah Klang berdepan krisis air tempoh setahun

**Kuala Lumpur:** Kelewatan pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Langat 2 akan menyebabkan Lembah Klang berdepan krisis bekalan air yang serius untuk tempoh setahun atau lebih.

Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Pengarah Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB), Datuk Ahmad Faizal Rahman, berkata ini berikutan tiada satu pun loji rawatan air di Lembah Klang yang berupaya menyalurkan bekalan antara 1,000 hingga 2,000 juta meter padu sehari.

## Perlu dua juta liter air

"Lembah Klang ketika ini memerlukan sehingga 2,000 juta meter padu air sehari dan ia ditampung oleh sumber yang pelbagai."

"Justeru pembinaan Langat 2 itu perlu bagi memastikan bekalan air ke Lembah Klang terus mencukupi bagi menampung peningkatan penduduk dan pembangunan industri yang ada," katanya selepas memberi taklimat kepada lebih 140 wakil daripada 65 syarikat yang berminat membida tender Loji Rawatan Air Sungai Langat 2, di ibu pejabat PAAB di sini, semalam.

Mengulas perkembangan

semasa isu membabitkan Langat 2, Ahmad Faizal berkata, 15 dokumen tender berharga RM10,000 setiap set sudah pun dibeli 15 syarikat yang berminat walaupun lawatan ke tapak projek hanya dijadualkan hari ini.

Katanya, lazimnya dokumen tender hanya dibeli selepas syarikat berminat dibawa melawat tapak projek, namun perkembangan itu jelas menunjukkan mereka berminat dan yakin ia

akan tetap diteruskan.

Proses pembidaan tender akan bermula hari ini sehingga 20 November ini dan pelaksanaan projek dijangka bermula Jun tahun hadapan dan dijangka siap dalam tempoh empat tahun.

## Pengambilan tanah lanjut

Beliau berkata, isu pengambilalihan tanah juga berjalan lancar dan sudah diluluskan dengan 200 daripada 300 lot tanah yang diambil bagi melaksanakan keseluruhan projek itu sudah pun menerima borang K.

"Proses pengambilalihan tanah ini selesai dan PAAB menjangkakan tidak ada masalah besar bagi meneruskan pakej 2A Langat 2," katanya.

Ditanya jika projek itu gagal mendapat arahan pembangunan atau kebenaran dari kerajaan Selangor, Ahmad Faizal berkata perkara itu tidak akan diambil mudah khususnya dalam aspek perundangan.

Katanya, perkara itu sudah pun diperjelaskan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail yang akan melihat pelbagai aspek perundangan termasuk menggunakan kuasa yang ada pada Kementerian Kerja Raya bagi meneruskan projek itu. ends

## FAKTA NOMBOR

**RM3.7 billion**

kos keseluruhan projek

**RM700 juta**

kos pengambilan tanah

**4 tahun**

jangkaan siap



**"**  
Justeru, pembinaan Langat 2 itu perlu bagi memastikan bekalan air ke Lembah Klang terus mencukupi bagi menampung peningkatan penduduk dan pembangunan industri yang ada"

**Ahmad Faizal Rahman,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
PAAB